

17 AUG 2003

Malaysia-Peta/I

DIALOG PINTAR TEMPATKAN M'SIA DALAM PETA DUNIA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

EZULWINI (Swaziland), 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau gembira dialog perkongsian pintar yang dimulakan pada 1995 di Langkawi dan menghasilkan enam siri dialog itu di Afrika memberikan Malaysia penghormatan antarabangsa.

Jika dahulu ramai yang tidak mengetahui kewujudannya dalam peta dunia, kini ia dihormati masyarakat dunia.

"Ia bukan peribadi, saya gembira melakukan tugas saya, masyarakat dunia kini lebih mengenali Malaysia, dialog itu menjadikan Malaysia lebih dikenali di Afrika dan di tempat lain," katanya ketika ditanya mengenai perasaan peribadinya mengenai hasil Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2003 pada sidang akhbar memandangkan beliau akan bersara dalam bulan November tahun ini.

Katanya pada masa lepas, masyarakat dunia hanya mengenali Malaysia sebagai berdekatan Singapura, China atau India dan ia terletak dalam rantau Asia Tenggara, dengan Filipina Indonesia, Thailand lebih dikenali.

Dr Mahathir berkata di forum dan persidangan antarabangsa, "kita perlu menjelaskan di mana kedudukan Malaysia, tetapi kini mereka lebih mengetahui dengan tepat kedudukan negara ini hasil daripada dialog itu dan Menara Berkembar Petronas.

"Saya merasa berpuas hati bahawa masyarakat antarabangsa menghormati Malaysia di peringkat antarabangsa dan memberi perhatian serius kepadanya."

Raja Mswati III dari Swaziland, yang menjadi tuan rumah dialog tiga hari tahun ini berkata dialog akan datang akan diadakan di Zambia.

Dr Mahathir berkata negara-negara Afrika berminat dengan dialog itu kerana mereka sangat arif mengenai faedah perkongsian bijak dan mereka membantah apabila ada pihak di Malaysia menyatakan bahawa Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) perlu dihentikan.

Katanya LID akan datang akan diadakan dalam bulan Julai atau Ogos tahun hadapan.

Dialog tahun ini dihadiri bilangan ketua-ketua kerajaan terbesar iaitu lapan dari Afrika dan Dr Mahathir serta disertai bilangan negara terbesar dengan kehadiran lebih 800 peserta daripada 16 negara.

Katanya Malaysia kini menjalin hubungan rapat dengan bukan sahaja negara-negara Afrika, malah dengan negara-negara di Caribbean, rantau Teluk dan Asia Tengah melalui dasar persahabatan dan memakmurkan jirannya yang bertentangan dengan sikap kuasa besar seperti Amerika Syarikat yang mengenakan tekanan ketika berhubung dengan negara-negara membangun.

Ketika dialog itu, beberapa pemimpin menyuarakan kebimbangan masing-masing mengenai langkah menurunkan kuasa agensi multilateral seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan sikap unilateralisme yang semakin nyata seperti yang ditunjukkan Amerika Syarikat bagi menyerang Iraq.

Katanya para pemimpin itu mahukan agensi global dikaji semula melalui konsep perkongsian pintar dengan negara-negara yang mempunyai pemikiran yang sama dapat disatukan dalam usaha bersungguh-sungguh mengukuhkan semula kredibiliti PBB.

Ketika ditanya mengenai hasil perbincangannya dengan Raja Mswati III awal Sabtu, Dr Mahathir berkata Swaziland berminat bekerja sama dengan Malaysia.

Katanya raja itu berminat mempelajari cara Malaysia menyelesaikan isu-isu tertentu seperti pindaan perlembagaan yang sedang dilakukan oleh

kerajaan beraja itu.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai kemajuan Smart News Network International (SNNI) yang disertai oleh agensi berita kebangsaan BERNAMA, The New Straits Times Press Bhd, Utusan Melayu dan Penerbitan The Star di pihak Malaysia dan beberapa pertubuhan media Afrika dari Uganda, Afrika Selatan, Botswana, Mozambique, Malawi, Namibia, Ghana, Republik Guinea, Lesotho dan Zimbabwe, yang dilancarkan pada dialog yang lepas di Kampala, Uganda.

Katanya antara kelemahan yang ada di pihak Afrika ialah pertubuhan media di benua itu bukan dikawal oleh rakyat tempatan tetapi oleh orang asing dan dengan itu mereka tidak berminat menyertai rangkaian berita negara-negara membangun.

Bagaimanapun, katanya, perkongsian pintar sepatutnya menggalakkan lebih banyak pertubuhan media mereka menyertai SNNI.

Sementara itu, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan mengenai "Menuju Ke arah Hadapan dari Ezulwini", para pemimpin itu berkata nilai-nilai dan amalan tradisi hendaklah dikekalkan, di mana amalan yang baik hendaklah dipelihara dan "kita jangan takut untuk membuang yang buruk atau mengambil dari luar apa yang baru dan boleh membantu kita."

Kenyataan itu turut menyatakan bahawa pendidikan hanyalah kunci untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dan isu-isu kesihatan.

Selain itu, katanya, Perkongsian Ekonomi Baru bagi Pembangunan Afrika (Nepad) -- sebagai satu projek Afrika yang penting untuk memobilisasikan sumber hendaklah disokong dan diterjemahkan menjadi projek-projek tertentu.

Juga, bagi melengkapkan infrastruktur besar, komunikasi, projek tenaga, seperti yang disaksikan dalam Inisiatif Ruang Pembangunan (Koridor Ekonomi) rakan perkongsian hendaklah menggalakkan pelaksanaan "projek mikro" yang memerlukan kurang sumber tetapi respon kepada keperluan penting tertentu yang dikenalpasti hubungan khusus perkongsian pintar.

-- BERNAMA

MR SHY AHM ROS